

**Raja Permaisuri Agong Minta Graduan Perubatan MSU Berkhidmat Untuk Negara Bernama
8 Januari , 2012**

SHAH ALAM, 8 Jan (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah

bertitah meminta graduan sulung perubatan dari Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) berkhidmat untuk negara bagi menampung kekurangan doktor di Malaysia.

Tuanku Hajah Haminah menyeru kesemua 60 graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri berkenaan supaya mencurahkan khidmat dengan penuh profesional, memelihara etika dan bersifat ikhlas serta penyayang dalam membantu menjaga kesejahteraan kesihatan setiap lapisan masyarakat negara ini.

"Sesungguhnya beta berasa amat bangga kerana pada hari ini MSU telah berjaya melahirkan graduan sulung program perubatan dengan International Medical School (IMS) MSU di kampus Bangalore India," titah Tuanku Hajah Haminah selaku Canselor MSU pada Konvokesyen ke-10 universiti itu di sini.

Raja Permaisuri Agong bertitah universiti merupakan institusi penjana ilmu dalam merencanakan pembangunan modal insan di samping pemacu kepada kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan.

Tuanku Hajah Haminah turut mengingatkan graduan yang telah berjaya dalam kehidupan supaya tidak lupa menyumbang kembali kepada universiti dalam apa cara sekalipun termasuk melalui program alumni.

"Beta menyeru kepada semua para graduan pada hari ini supaya membalas semula segala jasa dengan membantu universiti ini baik dari segi aktiviti mahupun pemikiran supaya cita-cita Beta untuk melihat MSU menjadi sebuah universiti yang terunggul dapat direalisasikan semua," titah Raja Permaisuri Agong.

Pada majlis konvokesyen itu, seramai 674 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing dalam 37 bidang pengajian daripada Tuanku Hajah Haminah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638671>